



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***LEKSIS GENDER DALAM NOVEL TERPILIH A. SAMAD SAID***

**AMINNUDIN BIN SAIMON**

**FBMK 2015 82**



## **LEKSIS GENDER DALAM NOVEL TERPILIH A. SAMAD SAID**

Oleh

**AMINNUDIN BIN SAIMON**

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, Sebagai memenuhi keperluan untuk  
**Ijazah Master Sastera**

**Januari 2015**

## **HAK CIPTA**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia

## **DEDIKASI**

**Kepada:**

**Ayahandaku Salmon bin Haron**

**Terima kasih atas segala dorongan dan semangat yang diberikan**

**Bondaku, Haslinah Bte Supa'at**

**Kasih sayang dan pengorbananmu memberikan aku kekuatan dalam meraih kejayaan ini**

**Kedua-dua nenda dan datukku, Tumilah, Patomah, Haron dan Supa'at**

**Yang telah pergi sebelum melihat kejayaanku ini**

**Kekandaku, Saiful Bahri dan keluarga, Noor Azizah dan keluarga**

**Serta adindaku Noor Farahin**

**Segala galakan dan doa kalian menjadi inspirasi dan peransang untuk kejayaanku ini**

**Serta penyeliaku yang amat budiman**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

## **LEKSIS GENDER DALAM NOVEL TERPILIH A. SAMAD SAID**

**Oleh**

**AMINNUDIN BIN SAIMON**

**Januari 2015**

**Pengerusi: Profesor Madya Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD**

**Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi**

Leksis merupakan unit yang penting dalam bahasa terutamanya dalam pembentukan ayat. Dari sudut linguistik, leksis merupakan perbendaharaan kata dalam bahasa. Dari sudut linguistik, leksis gender ialah perbendaharaan kata yang melibatkan jantina sama ada jantina lelaki, perempuan atau neuter (neutral).

Penyelidik menyenaraikan tiga objektif kajian yang utama, iaitu, mengenal pasti penggunaan leksis gender dalam novel terpilih A. Samad Said, menganalisis leksis gender menggunakan teori analisis komponen, dan merumuskan kekuatan penggunaan leksis gender dalam novel terpilih A. Samad Said.

Data penyelidikan dikumpul daripada empat buah novel terpilih A. Samad Said, iaitu '*Langit Petang (1980)*', '*Di Hadapan Pulau (2000)*', '*Sungai Mengalir Lesu (2005)*', dan '*Adik Datang (2012)*'. Data leksis gender yang terdapat pada novel tersebut akan dianalisis menggunakan Teori Analisis Komponen.

Hasil penyelidikan mendapati bahawa leksis gender yang dipaparkan dalam novel terpilih A. Samad Said dikategorikan kepada tujuh, iaitu, kekeluargaan, bentuk panggilan, gelaran, pekerjaan/jawatan, kata sifat, kata ganti nama diri dan kata nama. Hasil penyelidikan ini juga mendapati bahawa penggunaan leksis gender yang tepat dan betul akan mewujudkan kesantunan semasa berbahasa. Penggunaan teori analisis komponen juga dapat menyelesaikan masalah leksis gender yang dikatakan bersinonim. Selanjutnya, daripada 10,398 leksis gender yang dikaji, didapati leksis gender daripada kategori kata ganti nama diri mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu sebanyak 5,297, diikuti pula leksis gender daripada kategori kekeluargaan yang berjumlah 1,928 dan leksis gender daripada kategori bentuk panggilan sebanyak 1,410. Penyelidikan yang dijalankan juga mendapati bahawa terdapat kaitan antara leksis gender dengan kesantunan. Di samping itu, penggunaan teori analisis komponen amat bersesuaian dalam menentukan makna sesuatu perkataan.

Abstract of thesis to senate of University Putra Malaysia in fullfilment of the requirement for the degree of Master of Arts.

## **GENDER LEXIS IN SELECTED NOVEL OF A. SAMAD SAID**

**By**

**AMINNUDIN BIN SAIMON**

**January 2015**

**Supervisor: Associate Profesor Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD**

**Faculty: Modern Language and Communication**

Lexis an important unit in the language, especially in the construction of sentences. From a linguistic standpoint, lexis is the vocabulary or lexicon of the language. Gender from a linguistic point is a some words gender connected. Therefore, in terms of linguistic, gender lexis is vocabulary involving gender either male gender, female or neuter (neutral).

This research will listed three main objective of the study is to identifying lexis usage of gender in A. Samad Said selected novels, to analyzed gender lexis based on the componential analysis theory, and to summarized the advantages gender lexis usage in A. Samad Said selected novels.

Data were collected from A. Samad Said selected novels are '*Langit Petang (1980)*', '*Di Hadapan Pulau (2000)*', '*Sungai Mengalir Lesu (2005)*' and '*Adik Datang (2012)*'. Data were collected will be analyzed based on The Componential Analysis Theory.

The results showed that gender lexis in A. Samad Said selected novels have seven categories. The categories that researcher mean is family, greeting, title, employment/post, adjective, pronoun and noun. The results from this research showed the usage of gender lexis will influence to others and created some politeness in communication. The Componential Analysis Theory also can helped and make some solution to lexis especially synonymous. Thus, from the total amount 10,389

gender lexis studied, it was found that ‘pronoun’ showed the highest amount 5,297, followed by the total lexis ‘family’ is 1,928 and the lexis ‘greeting’ is 1,410 respectively. This study also that there is a relationship between gender lexis and politeness, as highlighted in The Componential Analysis Theory. In addition, The Componential Analysis Theory was found to be suitable to describe usage of gender lexis.

## **PENGHARGAAN**

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah dan kurnia-Nya saya dapat menyempurnakan tesis ini dengan baik

Saya rakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya. Dr. Zaitul Azma Binti Zainon Hamzah selaku pengurus jawatankuasa penyeliaan dan Prof. Madya. Dr. Ahmad Mahmood Musanif selaku ahli jawatankuasa penyeliaan saya yang tidak pernah jemu memberikan tunjuk ajar dan memberikan ilmu, bimbingan, pandangan, teguran kepada saya dalam menyempurnakan penulisan tesis ini. Tidak lupa juga pensyarah-pensyarah saya yang banyak memberi semangat, pertolongan, dan dorongan yang banyak memberi ilmu dan sokongan material untuk membolehkan saya menyiapkan tesis ini. Kepada sahabat saya yang banyak memberi tunjuk ajar, sokongan, dorongan, memberi pertolongan sama ada dari segi material maupun ilmu, jasamu tetap dikenang.

Akhir kata, segala yang baik datangnya daripada Allah dan segala kekurangan itu datangnya daripada diri saya sendiri sebagai hamba-Nya yang lemah dan serba kekurangan.

Wassalam.

## **PENGESAHAN**

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Aminnudin Bin Saimon untuk menilai tesis beliau yang bertajuk ‘Leksis Gender dalam Novel Terpilih A. Samad Said’ mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P. U. (A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti yang berikut:

**Nor Azuwan bt. Yaakob, PhD**

Jabatan Bahasa Melayu  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Che Ibrahim b. Salleh, PhD**

Profesor Madya  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Arba'ie bin Sujud, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Maslida Yusof, PhD**

Profesor Madya  
Pusat Pengajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**

Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia  
Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Ahmad Mahmood Musanif, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**BUJANG KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **PERAKUAN**

### **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: \_\_\_\_\_

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: \_\_\_\_\_

## JUDUL KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>DEDIKASI</b>	i
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	vi
<b>PENGESAHAN</b>	viii
<b>PERAKUAN</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	
<b>BAB PENDAHULUAN</b>	1
<b>I Latar Belakang Kajian</b>	1
Penyataan Masalah	6
Persoalan Kajian	9
Objektif Kajian	9
Kepentingan Kajian	10
Batasan Kajian	12
Definisi Operasional	13
Leksis Gender	13
<b>II SOROTAN LITERATUR</b>	14
Pengenalan	14
Kajian tentang Leksis	14
Kajian tentang Gender	16
Kajian tentang Novel	18
Kesimpulan	20
<b>III METODOLOGI KAJIAN</b>	22
Pengenalan	22
Reka Bentuk Kajian	22
Kerangka Teori	22
Kerangka Konseptual	25
Kaedah Kajian	26
Bahan Kajian	26
Rasional Pemilihan Bahan Kajian	27
Prosedur Kajian	29

Penganalisisan Data	30
Kesimpulan	30
<b>IV DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>31</b>
Pengenalan	31
Jenis leksis gender dalam novel terpilih A. Samad Said	31
Analisis leksis gender menggunakan Teori Analisis Komponen	69
Merumuskan kekuatan penggunaan leksis gender dalam novel terpilih A. Samad Said	129
Rasional Teori dan Implikasi Kajian	133
Kesimpulan	134
<b>V RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>135</b>
Rumusan	135
Cadangan Kajian Selanjutnya	137
<b>BIBLIOGRAFI</b>	141
<b>LAMPIRAN</b>	150
Data leksis gender dalam novel terpilih ASS	150
<b>BIODATA PELAJAR</b>	165
<b>PENERBITAN</b>	167

## **SENARAI RAJAH**

### **RAJAH**

### **Muka Surat**

- |                        |    |
|------------------------|----|
| 1. Kerangka Konseptual | 25 |
|------------------------|----|

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
1. Kekerapan penggunaan leksis gender keluarga asas	33
2. Kekerapan penggunaan leksis gender ‘emak’, ‘ibu’ dan ‘kakak’	34
3. Penggunaan leksis gender ‘adik’ dalam novel terpilih ASS	36
4. Penggunaan leksis gender ‘datuk’ dan ‘pak cik’	37
5. Penggunaan leksis ‘mak cik’ dan ‘nenek’ dalam novel terpilih ASS	38
6. Penggunaan leksis gender gelaran dalam novel terpilih ASS	45
7. Penggunaan leksis gelaran keturunan Nabi S.A.W	47
8. Penggunaan leksis gender gelaran berdasarkan pencapaian dan pertubuhan profesional	49
9. Penggunaan leksis gender gelaran keagamaan	52
10. Penggunaan leksis gender pekerjaan unit beruniform	54
11. Penggunaan leksis gender jawatan beruniform	54
12. Kekerapan penggunaan KGND pertama tunggal	60
13. Kekerapan penggunaan KGND pertama jamak	60
14. Kekerapan penggunaan KGND diri kedua	62
15. Penggunaan KGND ketiga	63
16. Komponen makna leksis ‘ayah’, ‘bapa’ dan ‘bapak’	71
17. Komponen makna leksis ‘datuk’, ‘pak cik’ dan ‘abang’	74
18. Komponen makna leksis ‘ibu’ dan ‘emak’	77
19. Komponen makna leksis ‘menantu’	79
20. Komponen makna leksis ‘ipar’ dan ‘tiri’	80
21. Komponen makna leksis ‘tuan’	86
22. Komponen makna leksis ‘kakak/kak’	88
23. Komponen makna leksis ‘emak/mak’	89
24. Komponen makna leksis ‘Syed’ dan ‘Syeikh’	93
25. Komponen makna leksis ‘Haji’	97
26. Komponen makna leksis ‘Ustazah’ dan ‘Syarifah’	98
27. Komponen makna leksis ‘Datuk’	100
28. Komponen makna leksis ‘Wan’	103
29. Komponen makna leksis ‘mahasiswa’	104
30. Komponen makna leksis ‘pelacur’	106

31	Komponen makna leksis ' <i>Bidan</i> '	108
32	Komponen makna leksis ' <i>Cikgu</i> ' dan ' <i>Guru</i> '	109
33	Komponen makna leksis ' <i>Leftenan</i> ', ' <i>Jeneral</i> ', ' <i>Prebet</i> ' dan ' <i>Kapten</i> '	111
34	Komponen makna leksis ' <i>saya</i> ' dan ' <i>aku</i> '	115
35	Komponen makna leksis ' <i>awak</i> ', dan ' <i>engkau/kau</i> '	119
36	Leksis gender kata adjektif lelaki mengikut peringkat umur	121
37	Leksis gender kata adjektif perempuan mengikut peringkat umur	122
38	Komponen-komponen makna leksis ' <i>teman</i> ', ' <i>kawan</i> ' dan ' <i>rakan</i> '	124
39	Komponen makna leksis ' <i>belia</i> ', ' <i>remaja</i> ' dan ' <i>dewasa</i> '	126
40	Komponen makna leksis ' <i>janda</i> ' dan ' <i>gadis</i> '	127

## **SENARAI SINGKATAN**

ASS	A.Samad Said
AD	Adik Datang
DHP	Di Hadapan Pulau
SML	Sungai Mengalir Lesu
LP	Langit Petang
KDE4	Kamus Dewan Edisi Keempat
KPE2	Kamus Pelajar Edisi Kedua
KGND	Kata Ganti Nama Diri

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### Latar Belakang Kajian

Leksis atau perkataan ialah unit bahasa yang terkecil yang mengandungi makna. Lyons (1968) berpendapat bahawa perkataan merupakan suatu '*tanda*' yang mencakupi dua bahagian, iaitu bentuk dan makna. Setiap ayat yang gramatis terbentuk daripada leksis dan daripada leksis pula membentuk bahasa. Selain itu, golongan kata seperti sinonim, antonim, hiponim, polisemi dan homografi terbentuk daripada leksis. Golongan kata seperti yang dinyatakan merupakan komponen utama dalam perkamusahan. Oleh hal yang demikian, Lyons (1968) berpendapat bahawa kata merupakan unit teristikewa khusus bagi nahu tradisional dan kata ialah asas bagi perbezaan yang sering dibuat antara morfologi dengan sintaksis, dan juga merupakan unit utama dalam leksikografi. Selain berperanan dalam perkamusahan, leksis juga berperanan dalam idiom atau peribahasa. Menurut Jos Daniel Parera (1993), leksikon merupakan satu himpunan kata atau idiom sebuah bahasa; ada pelbagai macam sesuai dengan bidang pemakaian kata dan idiom tersebut.

John Lyons (1968) memberi definisi gender atau nama tradisionalnya, genus merupakan perkataan yang berasal daripada satu perkataan yang umum, yang bermakna '*golongan*' atau '*jenis*' (*Romawi genus*). Dalam nahu tradisional, nama untuk ketiga-tiga genus yang terdapat dalam bahasa Indo-Eropah Klasik ialah '*maskulin*', '*feminin*' dan '*neuter*'. Gender dari sudut linguistik pula bermaksud klasifikasi nahu tentang kata nama atau kata-kata yang berkaitan yang merujuk kepada jantina lelaki atau perempuan, dan yang bersifat neuter, iaitu yang tidak merujuk kepada sebarang jantina (S. Natesan, 2008). Dengan kata yang lebih mudah maksud gender itu ialah kata yang berkait dengan jantina. Contohnya, '*bapa*', '*suami*', '*jantan*' ialah gender yang berkaitan dengan lelaki. Begitu juga halnya dengan gender yang berkaitan dengan perempuan. Dalam penyelidikan ini, gender yang dikaji ialah lelaki, perempuan dan neuter. Dalam budaya Melayu, banyak leksis yang berkaitan gender terhasil, antaranya dalam bentuk panggilan dan kekeluargaan '*pak*', '*paman*', '*anjang*', '*busu*' dan '*pok teh*'.

Setiap bahasa mempunyai leksis masing-masing. Bahasa Inggeris juga mempunyai leksisnya yang tersendiri yang pastinya berbeza dengan bahasa lain. Dave Wills (2004), mendefinisikan leksis sebagai satu istilah linguistik yang digunakan untuk perbendaharaan kata. Berdasarkan makna yang diberikan oleh Dave Wills, dapat difahami bahawa definisi antara leksis bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris mempunyai persamaan, iaitu perbendaharaan kata.

Ciri leksikal sesuatu dialek amat menarik untuk dikaji. Hal ini demikian kerana setiap dialek mempunyai ciri leksikalnya yang tersendiri dan berbeza dengan dialek yang lain. Selain perbezaan antara dialek, terdapat juga perbezaan makna sesuatu dialek dengan bahasa Melayu. Mohd. Shariffudin (2011), menyatakan bahawa dialek kanaq terbahagi kepada beberapa kategori seperti hubungan kekeluargaan, bahagian anggota badan, jenis penyakit, nama haiwan, kejadian alam semula jadi, tumbuh-tumbuhan dan kata adjektif. Beliau menegaskan lagi dalam kajianya bagi kategori kekeluargaan, satu dapatan yang menarik tentang kosa kata dialek kanaq ialah perkataan '*neneh*' yang digunakan tidak bermaksud ibu kepada emak atau ayah, sebaliknya bermaksud '*gajah*'. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, hal ini menunjukkan bahawa ciri leksikal sesuatu dialek tidak semestinya ada persamaan dengan bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa sesuatu perkataan yang terdapat dalam dialek mempunyai perbezaan dari segi leksikal dan makna.

Leksis gender *ibu* dan *emak* merupakan perkataan yang sama untuk merujuk kepada perempuan. Akan tetapi, ada menariknya tentang kedua-dua perkataan ini iaitu kedua-dua perkataan bukan bersinonim. Menurut S. Nathesan (2005), mengatakan bahawa perkataan *emak* membawa makna '*orang yang melahirkan seseorang*', manakala perkataan *ibu* membawa makna '*orang yang melahirkan kita*', '*panggilan hormat terhadap wanita yang telah berumur atau wanita yang bersuami*' dan '*bahagian besar (induk, utama, pusat, dan lain-lain) daripada sesuatu*'. Jika diteliti dari segi aspek gender, perkataan *emak* dan *ibu* merupakan perkataan bersinonim, manakala jika dilihat dari segi aspek makna dan penggunaan dalam ayat, perkataan *emak* dan *ibu* tidak bersinonim. Walau bagaimanapun, perkataan *emak* dan *ibu* bersinonim dari segi gender, tetapi tidak dari sudut makna.

Bahasa Melayu Malaysia dan bahasa Indonesia merupakan bahasa serumpun dalam nusantara. Oleh hal yang demikian, sesetengah perkataan daripada kedua-dua bahasa memperlihatkan kesamaan. Akan tetapi ada beberapa perkataan yang memperlihatkan kesenjangan leksikal antara kedua-dua bahasa, antaranya perkataan sukan, tewas, karyawan dan siswa. Ibrahim Ahmad (2011) memperjelas kesamaan dan kesenjangan leksikal dalam kedua-dua bahasa. Antara perkataan yang mempunyai makna dan komponen makna yang sama ialah perkataan ‘*kadi*’ dan ‘*suami*’. Perkataan ‘*kadi*’ mempunyai komponen makna [+manusia], [+berilmu], [+beragama Islam], [+bidang nikah cerai] dan [+hakim]. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu Malaysia dan bahasa Indonesia berkongsi sejarah yang sama kerana majoriti penduduknya beragama Islam. Begitu juga halnya dengan perkataan suami yang mempunyai komponen makna yang sama bagi kedua-dua bahasa, iaitu [+manusia], [+lelaki], [+dikahwini secara sah], [+pasangan hidup perempuan]. Berdasarkan komponen makna yang dimiliki kedua-dua leksis, hal ini menunjukkan bahawa penutur bahasa Melayu Malaysia dan bahasa Indonesia berkongsi penglihatan dunia yang sama yang menganggap *suami* sebagai lelaki yang dikahwini secara sah sebagai pasangan hidup seseorang perempuan.

Gender ialah klasifikasi nahu tentang kata nama atau kata yang berkaitan yang merujuk kepada jantina lelaki atau perempuan, dan yang bersifat neuter, iaitu yang tidak merujuk kepada sebarang jantina. Pada zaman globalisasi ini, banyak isu yang melibatkan gender diutarakan untuk mendapatkan keadilan dan kesamarataan antara gender. Nik Safiah Karim (2004), mengatakan bahawa golongan wanita merupakan golongan yang sering ditindas daripada segala aspek sama ada dalam bidang profesional mahupun sosial. Beliau menegaskan lagi dalam kehidupan masyarakat, tugas, peranan, dan fungsi yang dimainkan oleh golongan lelaki lebih tinggi. Ketidaksamarataan antara gender atau ‘*gender inequality*’ juga sering berlaku dalam novel. Ooi Eng Lye (2005), dalam kajiannya mendapati bahawa dalam novel Shahnon Ahmad, kuasa yang dipegang oleh lelaki lebih ketara jika dibandingkan kuasa golongan wanita yang hanya terbatas dalam hal kekeluargaan dan tugas domestik. Kuasa lelaki lebih bersifat universal yang melibatkan bidang pemerintahan, politik, dan sebagainya. Kekuasaan yang dimainkan oleh golongan lelaki ini dinamakan sistem ‘*patriarchal*’. Oleh hal yang demikian, kekuasaan golongan perempuan terbatas dan sering menjadi mangsa jenayah seperti rogol, pelacuran, ragut dan penderaan. Perkara ini juga terpancar dalam novel A. Samad Said

(seterusnya ASS) yang bertajuk '*Langit Petang*' (seterusnya LP). Sebagai contoh, watak yang dibawa oleh Zakiah merupakan watak yang menjadi mangsa kekuasaan lelaki yang menyebabkannya menjadi pelacur.

Masalah yang berkaitan gender dalam masyarakat sering menjadi topik utama dalam menuntut hak sama rata antara gender. Dalam novel LP, ASS memaparkan isu yang berkaitan bidang antropologi/sosiologi. Watak yang dimainkan oleh Zakiah bukan sahaja menjadi mangsa kekuasaan lelaki, namun dia juga memperjuangkan pembebasan wanita atau '*Women's Liberation*'. Begitu juga halnya dengan novel '*Sungai Mengalir Lesu*' (seterusnya SML) yang memaparkan sistem '*patriarchy*' menjadi kuasa dan menindas golongan perempuan sewenang-wenangnya. Antara watak yang menjadi mangsa kepada sistem '*patriarchy*' ini ialah watak Joyah yang hidup bersama-sama suami yang tidak bertanggungjawab, pemabuk dan kasar, dan watak Taksiah yang sudah dua kali menjadi janda akibat perkahwinan dengan lelaki yang tidak bertanggungjawab.

Selain diskriminasi antara gender yang sering diperjuangkan, permasalahan diskriminasi antara umur juga menjadi penyeri dalam novel ASS. Ooi Eng Lye (2005), mengatakan bahawa golongan muda sering kali menjadi mangsa diskriminasi kerana pendapat dan suara mereka kurang diambil peduli oleh golongan tua yang beranggapan golongan muda belum cukup bersedia untuk membuat keputusan. Dalam masyarakat Melayu, golongan muda tidak diberi peluang yang besar untuk mengemukakan pendapat kerana golongan tua lebih mendominasi hal yang berkait dengan pemerintahan. Walau bagaimanapun, golongan tua juga menjadi mangsa diskriminasi seperti watak yang dipegang oleh '*Pak Cik Ariff*' dalam novel LP. Setelah kedatangan Islam ke Tanah Melayu, masalah diskriminasi ini tidak wujud dalam ajaran Islam. Hal ini demikian kerana dalam ajaran Islam terdapat konsep '*egalitarianisme*', iaitu fahaman setiap manusia adalah sama, tiada perbezaan antara manusia sama ada dari segi warna kulit, jantina, umur, keturunan, dan sebagainya.

Nik Safiah Karim (2004), mengatakan bahawa gender dari sudut pandangan Barat, dilihat sebagai suatu definisi tentang lelaki dan perempuan yang dikonsepsikan dari sudut sosial (*a socially constructed*

*definition of men and women).* Pendekatan ini juga melihat dari perspektif biologi dan ditambah pula dari sudut tugas, fungsi, dan peranan kedua-dua jantina ini dalam masyarakat sebagai individu. Definisi sebegini amat rapat kaitannya dengan budaya dan pada amnya berbeza antara satu budaya dengan budaya yang lain. Berbeza dengan konsep gender dari sudut pandangan budaya Melayu, pengertian gender dari sudut budaya Melayu menurut Nik Safiah Karim (2004) ialah perspektif tugas, fungsi dan tanggungjawab yang berlainan antara lelaki dan perempuan dalam masyarakat, dan gender sebagai satu asas untuk mengungkapkan hubungan antara dua jantina ini.

Adat dan agama memainkan peranan yang penting dalam membentuk dan mencorak ideologi perhubungan gender dalam kalangan masyarakat Melayu tempatan (Ooi Eng Lye, 2005). Sehubungan itu, masyarakat Melayu bahkan masyarakat Cina, India dan suku kaum etnik yang lain berpegang kuat pada adat dalam kehidupan sehari-hari. Masyarakat kini masih lagi utuh pendirian mereka tentang peninggalan dan warisan nenek moyang mereka. Namun, bagi masyarakat Melayu, sejak kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu, Islam telah memainkan peranan yang penting dalam segala bidang seperti dalam institusi sosial, ekonomi maupun politik. Isu yang berkaitan gender, permasalahan gender, dan diskriminasi gender tidak pernah wujud dalam Islam, malah agama Islam amat menghormati antara satu sama lain terutamanya golongan wanita dan perempuan kerana Islam mengamalkan konsep '*egalitarianisme*'. Said Agil Husin Al-Munawar (2004), mengatakan bahawa dalam al-Quran secara konsisten menggunakan istilah khusus dalam mengungkapkan fenomena tertentu. Dari segi biologi, gender lelaki sebagai '*al-zakar*', gender perempuan '*al-untsa*' manakala dari segi bebanan sosial pula, istilah yang digunakan untuk gender lelaki ialah '*ar-rajul/ar-rijal*', manakala ungkapan untuk gender perempuan ialah '*al-mar'ah/al-nisa*'.

Aspek sosial merupakan tempat kajian utama untuk memperoleh leksis yang berkait dengan gender seperti yang terdapat pada bahasa Slanga. Leksis yang terdapat dalam bahasa Slanga juga mempunyai kaitan dengan gender seperti leksis '*awek*', '*cun*', '*balak*', dan '*pak we*'. Menurut A. Chaedar Alwasilah (1985), penggunaan bahasa slanga adalah untuk memperkenalkan kata baharu dan memperkaya kosa kata bahasa. Dari sinilah bahasa terus berkembang, relevan dan bahasa tersebut perlu dikaji kerana bahasa ini merupakan satu fenomena yang akan memberikan kesan yang baik kepada bahasa Melayu agar sejajar dengan perkembangan zaman, terutamanya dalam perkembangan leksis.

Walaupun bahasa slanga tidak bersifat ekonomi, namun penyelidikan tentangnya harus dijalankan kerana bahasa seperti ini yang akan memperkaya kosa kata bahasa Melayu terutama dalam aspek sinonim dan antonim.

Sistem '*patriarchal*' yang telah lama digunakan memberi kesan yang besar terutamanya diskriminasi terhadap kaum wanita. Menurut Toshiko Hamano (2004), pada abad ketiga, pemerintah yang pertama di Jepun merupakan seorang wanita yang menganuti fahaman animisme. Sejak kemunculan agama Buddha di Jepun pada abad keenam, kaum lelaki telah mengambil alih pemerintahan daripada wanita tersebut. Akibat daripada rampasan kuasa, wanita tersebut telah disingkirkan dari tempat suci dan tidak dibenarkan terlibat dalam politik. Berdasarkan pernyataan yang diberikan, amatlah jelas bahawa pada abad keenam lagi sudah ada masalah yang berkaitan gender. Kaum lelaki lebih mendominasi aspek pekerjaan, politik dan apa juar tindakan dan kaum wanita harus mematuhiinya dan kaum wanita hanya menjalankan tugas domestik.

### **Penyataan Masalah**

Dalam penyelidikan ini, pernyataan masalah diperoleh berdasarkan kelompongan kajian-kajian lepas yang ada perkaitan penyelidikan ini. Kelompongan yang dikenal pasti adalah berdasarkan kajian tentang leksis gender, novel dan gender yang kurang dikaji.

Jeniri Amir (2013), dalam kajiannya yang bertajuk "*Di Hadapan Pulau: Tinjauan dari segi Stilistik*" mendapat bahawa pemilihan kata, kepelbagaiannya kosa kata, dan penyuntikan beberapa kata digunakan untuk menggambarkan aspek perwatakan, keadaan, peristiwa, persekitaran, dan pergolakan zaman sambil menimbulkan kesegaran. Oleh hal yang demikian, masalah yang hendak dikaji dalam penyelidikan ini ialah terdapat banyak novel yang dijadikan bahan penyelidikan, namun penyelidikan tentang leksis gender tidak banyak dijalankan. Justeru itu, penyelidik mendapat bahawa terdapat kekurangan pada kajian lepas ini. Walaupun Jeniri Amir menyentuh hal yang berkaitan pemilihan kata dan kepelbagaiannya kosa kata, namun beliau tidak menyelidik hal yang berkaitan leksis gender. Kajian tentang kepelbagaiannya leksis gender dalam novel '*Di Hadapan Pulau*' (seterusnya DHP) tidak disentuh

walhal dalam novel DHP ini terdapat pelbagai leksis gender yang menarik untuk dikaji. Antaranya leksis ‘ayah, bapa, bapak’, ‘jelita, cantik, ayu’ dan ‘kau, awak, kamu’. Oleh hal yang demikian, penyelidik mendapati bahawa masalah tersebut harus dikaji untuk memperkuuh penggunaan kosa kata terutamanya leksis gender dalam bahasa Melayu.

Nik Safiah Karim (2012), dalam kajiannya yang bertajuk “*Kesantunan Berbahasa dalam Konteks Pekerjaan: Perspektif Penggunaan Kata Ganti Nama*” mendapati bahawa penggunaan kata ganti nama diri yang salah atau kurang tepat sering kali menimbulkan perselisihan faham antara peserta komunikasi. Dalam kajiannya mendapati bahawa seorang Ketua Jabatan sewaktu ditemu bual oleh media, didapati menggunakan ayat seperti “*Kita membuat ini*” dan “*Kita membuat itu*”, walhal yang dimaksudkan ialah “*Kami membuat ini*” dan “*Kami membuat itu*”. Penggunaan kata ganti nama diri pertama jamak yang kurang tepat akan menyenggung atau menimbulkan perselisihan faham. Kata ganti nama diri pertama jamak “*Kami*” dan “*Kita*” merupakan kata atau leksis yang berbeza dan mempunyai makna yang tidak sama.

Leksis ‘*Kami*’ dan ‘*Kita*’ merupakan leksis yang terdapat pada kategori leksis gender KGND. Masalah yang hendak dikaji dalam penyelidikan ini ialah terdapat pelbagai kajian yang mengkaji tentang KGND, namun kajian tentang KGND yang berkaitan gender dan makna tidak banyak dijalankan. Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh Nik Safiah Karim hanya mengkaji penggunaan KGND, namun beliau tidak mengkaji leksis gender yang berkaitan KGND. Oleh hal yang demikian, penyelidik mendapati leksis gender KGND bukan hanya digunakan dalam konteks pekerjaan, penggunaannya juga terdapat dalam konteks novel.

Kajian tentang analisis komponen banyak membantu untuk menyelesaikan perkataan yang mempunyai pertindihan makna. Asmah Haji Omar (1986) dalam kajiannya “*Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*” mendapati bahawa perkataan ‘*ibu*’ dan ‘*emak*’ mempunyai makna yang berbeza. Hasil kajiannya mendapati bahawa kedua-dua leksis mempunyai perkongsian makna yang sama, iaitu [+manusia], [+kelamin betina], dan [+pelahir anak]. Namun, ada perbezaan antara kedua-duanya, iaitu kata ‘*ibu*’ mempunyai komponen makna [-bernyawa], [-manusia] sedangkan leksis ‘*emak*’ tidak. Leksis ‘*emak*’

digunakan untuk merujuk kepada manusia, sedangkan ‘ibu’ dapat digunakan bukan sahaja untuk merujuk manusia, tetapi juga binatang (seperti ibu kambing) dan juga untuk benda tidak bernyawa (seperti ibu jari dan ibu roti).

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Asmah Haji Omar ini mendapati bahawa beliau menganalisis leksis yang berkaitan leksis gender, iaitu leksis ‘emak’ dan ‘ibu’. Namun, kajian yang dijalankan oleh beliau hanya berfokuskan dua leksis kekeluargaan, iaitu leksis ‘ibu’ dan ‘emak’. Oleh hal yang demikian, penyelidik mendapati bahawa kajian beliau ada kekurangan dari segi leksis itu sendiri kerana terdapat pelbagai leksis yang mempunyai masalah yang sama seperti leksis ‘ibu’ dan ‘emak’. Selain itu, kategori leksis yang mempunyai pertindihan makna bukan hanya leksis daripada kategori kekeluargaan, malah kategori gelaran, kata ganti nama, kata sifat dan kata nama juga mempunyai pelbagai leksis gender yang mempunyai makna yang bertindih seperti leksis ‘Syed’ dan ‘Syeikh’, ‘aku’ dan ‘saya’, ‘wanita dan perempuan’, dan ‘belia’, ‘remaja’ dan ‘dewasa’. Oleh hal yang demikian, masalah yang dikaji ialah terdapat pelbagai leksis gender yang bersinonim, namun penyelidikan tentang makna perkataan tidak banyak dijalankan. Pengguna bahasa sering menggunakan leksis ‘wanita’ dan ‘perempuan’ silih berganti yang beranggapan bahawa kedua-dua leksis merupakan leksis yang bersinonim. Namun, setelah dikaji kedua-dua leksis mendapati bahawa kedua-dua leksis merupakan leksis yang tidak bersinonim jika ditinjau dari sudut makna.

Kajian tentang novel banyak dijalankan daripada pelbagai sudut sama ada dari segi perhubungan manusia atau yang berkait dengan kesusasteraan. Ooi Eng Lye (2005) dalam kajiannya yang bertajuk “*Novel Terpilih Shahnon Ahmad: Satu Kajian Pendekatan Gender*” mendapati bahawa konflik luaran dan dalaman yang ditempuh oleh manusia tercetus daripada perhubungan manusia yang tidak dapat lari daripada membicarakan aspek gender dan bahasa. Beliau menambah lagi novel yang dihasilkan oleh Shahnon Ahmad seperti novel *Al-Syiqaq*, *Tunggul-tunggul Gerigis*, *Tok Guru, Ummi & Abang Syeikhul*, *Sutan Baginda* dan *Patriarch* banyak menyentuh persoalan perhubungan manusia, iaitu gender dan kuasa. Namun, penyelidik mendapati bahawa kajian yang dijalankan oleh Ooi Eng Lye tidak menyentuh penggunaan leksis gender dalam novel terpilih Shahnon Ahmad walaupun beliau menyentuh aspek gender. Oleh hal yang demikian, masalah yang dikaji

ialah banyak novel dijadikan sebagai bahan utama dalam penyelidikan, namun kajian tentang leksis gender tidak banyak dijalankan.

Haron Daud (2007) dalam kajiannya yang bertajuk “*Tanggapan Etnik dalam Salina hingga Hujan Pagi*” mendapat novel dalam ASS terdapat kelompok etnik yang mewarnai novel ASS. Pemecahan kelompok etnik dibuat berdasarkan dua cara, iaitu melalui keterangan pengarang (ASS) tentang asal keturunan dan yang kedua berdasarkan nama yang lazimnya terdapat atau dipakai oleh etnik tertentu. Kelompok etnik dalam ‘*Salina*’ hingga ‘*Hujan Pagi*’ adalah terdiri daripada etnik Melayu, Jawa, Bugis, Minangkabau, Arab, India dan Cina. Namun, penyelidik mendapat bahawa kajian yang dijalankan oleh Haron Daud hanya melibatkan etnik dan beliau tidak menyentuh pada leksis gender yang terdapat pada etnik tersebut. Sebagai contoh, beliau tidak menyentuh gelaran yang terdapat pada sesuatu etnik seperti etnik Arab yang mempunyai gelaran keturunan ‘*Syed*’ dan ‘*Sharifah*’, gelaran keagamaan ‘*Ustaz*’, dan ‘*Ustazah*’ dan gelaran lain. Oleh hal yang demikian, masalah yang dikaji ialah penentuan etnik bukan hanya terdapat pada nama yang dipakai, namun penentuan etnik juga ditentukan oleh leksis gender. Gelaran dan sifat merupakan ciri yang terdapat pada sesuatu etnik dan kedua-dua ciri tersebut dapat membantu mengenal pasti sesuatu etnik.

### **Persoalan Kajian**

Dalam penyelidikan ini terdapat tiga persoalan yang utama, iaitu:

1. Apakah bentuk leksis gender yang terdapat dalam bahasa Melayu?
2. Bagaimanakah leksis gender dianalisis dalam penyelidikan ini?
3. Apakah kekuatan penggunaan leksis gender dalam novel Melayu?

### **Objektif Kajian**

Dalam penyelidikan ini, terdapat tiga objektif yang utama, iaitu:

1. Mengenal pasti jenis leksis gender dalam novel terpilih A. Samad Said.

2. Menghuraikan leksis gender menggunakan teori analisis komponen.
3. Merumuskan kekuatan penggunaan leksis gender dalam novel terpilih A. Samad Said.

### **Kepentingan Kajian**

Dalam penyelidikan ini, banyak manfaat yang akan diperoleh. Hasil perbincangan yang dilakukan pada bab seterusnya, penyelidikan ini memberi sedikit sebanyak maklumat yang berguna kepada pengguna bahasa. Dave Wills (2004), memberi definisi leksis sebagai satu istilah linguistik yang digunakan untuk perbendaharaan kata. Leksis juga merupakan komponen tatabahasa yang penting untuk membentuk ayat dan wacana. Oleh itu, aspek leksis tidak boleh dipandang sepi oleh pengguna bahasa kerana leksis merupakan satu komponen terpenting dalam tatabahasa yang mengandungi makna. Dengan adanya kajian tentang leksis ini, pengguna bahasa lebih mudah untuk memahami bahasa dan menggunakan bahasa dengan baik mengikut situasi. Walaupun bahasa Melayu mempunyai kepelbagaiannya leksis, akan tetapi leksis yang bersinonim tidak semuanya bersinonim. Sebagai contoh, leksis ‘*bapa*’, ‘*ayah*’, dan ‘*bapak*’ merupakan leksis yang dianggap bersinonim, namun setelah dikaji makna ketiga-tiga leksis mendapatkan bahawa ketiga-tiga leksis tidak mempunyai komponen yang sama kecuali persamaan dari segi gender.

Kajian tentang leksis gender ini banyak membantu pengguna bahasa menggunakan bahasa yang betul, terutama mengenai gender. Pengguna yang mahir menggunakan leksis gender tidak akan menggunakan leksis yang salah. Sebagai contoh, Pak Abu tidak dapat menyembelih kerbaunya kerana kerbau tersebut ‘*hamil*’. Jika pengguna bahasa mahir menggunakan leksis yang melibatkan gender, mereka tidak akan melakukan kesalahan seperti contoh yang diberikan. Hal ini kerana, ‘*hamil*’ hanya merujuk kepada perempuan atau wanita dan bukannya merujuk kepada binatang. Tegasnya, penggunaan leksis yang melibatkan gender amat mempengaruhi kesantunan berbahasa seseorang. Jika pengguna menggunakan leksis gender yang tidak tepat, hal ini akan mengakibatkan banyak pihak akan tersinggung oleh perbuatannya. Perkara yang melibatkan aspek gender ini amat sensitif dalam kalangan rakyat Malaysia.

Penggunaan leksis gender banyak kepentingannya dalam bahasa Melayu. Dengan adanya kepelbagaian leksis dalam bahasa Melayu, hal ini akan menjadikan bahasa Melayu terus berkembang mengikut peredaran zaman. Bahasa Melayu banyak meminjam kosa kata daripada bahasa lain, begitu juga dengan leksis gender seperti leksis gelaran daripada bahasa Arab ‘Syed’ dan ‘Syarifah’. Bahasa Melayu meminjam kosa kata daripada bahasa lain adalah dengan tujuan untuk mengungkap istilah yang tidak boleh diungkap dengan bahasa Melayu. Sebagai contoh, kosa kata gender ‘muslimin’, ‘muslimat’, ‘imam’, ‘soleh’, dan ‘solehah’ sukar untuk diungkapkan atau diberi makna dalam bahasa Melayu. Oleh itu, bahasa Melayu harus meminjam perkataan tersebut untuk mengungkap istilah leksis yang terdapat dalam bahasa Arab tersebut. Proses peminjaman ini akan memperkasakan lagi bahasa Melayu. Penyelidikan tentang leksis gender ini membolehkan pengguna bahasa lebih memahami mengenai aspek leksis gender dalam bahasa Melayu dan menjadikan pengguna bahasa Melayu lebih peka terhadap kesopanan dan kesantunan berbahasa lebih-lebih lagi yang melibatkan gender. Setiap bahasa yang ada di dunia ini pastinya mempunyai perkaitan dengan gender. Sebagai contoh, bahasa Inggeris mempunyai leksis gender seperti ‘man’, ‘woman’, ‘girl’, ‘boy’, begitu juga halnya dengan bahasa Arab dan yang terkandung dalam Al-Quran seperti ‘al-zakar’, ‘al-untsa’, ‘ar-rajul’, ‘al-mar’ah’ dan bahasa Latin seperti ‘tia’, ‘tio’ dan ‘abuela’. Oleh hal yang demikian, gender merupakan satu perkara yang penting dalam sesebuah bahasa yang digunakan untuk menerangkan sesuatu perkara yang berkaitan dengan laki-laki atau perempuan.

Dalam bidang semantik, pelbagai teori digunakan oleh pengkaji bahasa antaranya teori behavioris, teori mekanis, teori pragmatik dan teori analisis komponen. Setiap teori menpunyai kelebihan dan kelemahan masing-masing. Hal ini diterangkan oleh Palmer (1976) yang mengatakan bahawa teori analisis komponen yang begitu cemerlang dalam menganalisis bahasa pada peringkat perkataan atau leksis, tetapi ada kelemahan yang belum boleh mengendalikan semua hubungan semantik. Teori ini ada kelemahannya kerana teori analisis komponen hanya berupaya untuk menganalisis pada peringkat leksis atau perkataan dan tidak berupaya untuk menganalisis pada peringkat ayat. Walau bagaimanapun, untuk menyelidik leksis, teori yang sesuai ialah teori analisis komponen. Dengan adanya kepelbagaian teori dalam bidang semantik ini, sudah tentu pelbagai permasalahan dan fenomena yang

berlaku dalam bahasa dapat dianalisis dan diselesaikan dengan menggunakan teori-teori tersebut.

### **Batasan Kajian**

Dalam penyelidikan ini, aspek yang dikaji hanyalah aspek leksis gender yang dibahagikan kepada tujuh kategori, iaitu kategori kekeluargaan, kata panggilan, kata nama, gelaran, pekerjaan/jawatan dan kata sifat. S. Nathesan (2008, 149) yang mengatakan leksis gender dibahagikan kepada enam jenis, iaitu kekeluargaan, bentuk panggilan, gelaran, jawatan/gelaran, pemerian (adjektif) dan kata ganti diri. Kenyataan daripada sarjana ini bertepatan dan bersesuaian dengan penyelidikan ini. Lazimnya leksis diertikan sebagai kosa kata yang digunakan untuk membicarakan sesuatu bidang. Dalam bidang bahasa Melayu, banyak leksis yang digunakan untuk mengungkapkan sesuatu perkara.

Dalam aspek gender pula, penyelidik hanya menyelidik leksis yang merujuk kepada gender, antaranya '*cantik*', '*kacak*', '*Syed*', '*Ustaz*' dan '*gadis*'. Penyelidik akan menyelidik aspek leksis dan gender dalam novel ASS. Penyelidik membaca halaman demi halaman untuk memperoleh leksis gender yang dikehendaki. Perkataan yang dikenal pasti akan dibahagikan mengikut kategori masing-masing, kemudiannya dianalisis menggunakan teori analisis komponen.

## **Definisi Operasional**

### **Leksis Gender**

Leksis ialah kosa kata yang terdapat dalam sesuatu bahasa. Leksis merupakan unsur yang terpenting dalam tatatingkat tatabahasa dan mempunyai peranan yang penting dalam struktur ayat. Penggunaan leksis yang tepat akan memudahkan komunikasi antara peserta komunikasi. Setiap leksis mempunyai makna kecuali kata hubung dan kata tugas. Hal ini demikian kerana kata hubung dan kata tugas tidak mempunyai makna, namun kata hubung dan kata tugas merupakan unsur yang menghubungkan sesuatu ayat kepada ayat yang lain. Oleh itu, leksis merupakan unsur yang penting dalam tatabahasa dan semantik.

Dari segi linguistik, gender merupakan kelamin kata atau jantina kata. Gender perempuan sering kali dilihat sebagai alat untuk dijadikan subjek utama dalam diskriminasi antara gender. Jika diteliti berdasarkan agama dan budaya, agama Islam khususnya tidak menjadikan gender sebagai subjek untuk didiskriminasi, malah agama Islam mengangkat dan memartabatkan sumbangaan perempuan dalam kehidupan. Gender merupakan aspek yang luas untuk dikaji sama ada dalam penggunaan leksis dalam gender ataupun penyelidikan mengenai peranan antara gender. Penyelidikan mengenai leksis yang berkait gender belum begitu meluas. Terdapat pelbagai leksis yang berkait gender antaranya ‘ayah’, ‘ibu’ dan ‘Syed’. Oleh hal yang demikian, leksis gender merupakan kelamin kata yang digunakan untuk merujuk kepada gender lelaki, perempuan atau neuter.

## BIBLIOGRAFI

- A.Rahim Abdullah (2007). Konsep Kala dalam Sungai Mengalir Lesu. Dalam Zainuddin Taha et., all., *A. Samad Said dalam Esei dan Kritikan*; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Samad Said. (2012), *Adik Datang*. Pts Pop Sdn. Bhd.
- A.Samad Said. (2005), *Sungai Mengalir Lesu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Samad Said. (2000), *Di Hadapan Pulau (Edisi Pelajar)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Samad Said. (1980), *Langit Petang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Chaer. (1995), *Pengantar Semantik Bahasa Indonesia Edisi Revisi*. Jakarta: Penerbit Rineka.
- Abdul Jalil Haji Anuar, Shariffulizam Malek et,all., (2013), *Siri Glosari Dialek Semenanjung: Glosari Dialek Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahim Yunus. (2004), Gender dalam Perspektif Tafsir Klasik. Dalam Zainuddin Taha et., all., *Gender dalam Perspektif Islam dan Budaya Melayu*;Universitas Islam Makassar.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2011), *Kamus Peribahasa Kontemporeri Edisi Ketiga*. PTS PROFESIONAL Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2010), *Kamus Simpulan Bahasa Edisi Kedua*. PTS PROFESIONAL Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. (2005), *Linguistik Am: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Tahir. Idea dan Konsep Kesusastraan A. Samad Said. Dalam Siti Aisah Murad, *A. Samad Said dalam Esei dan Kritikan*; 2007; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Abdullah Yusof, Adenan Ayob dan Mohd. Ra'in Shaari. (2014), *Penyelidikan Makna*. Tanjung Malim: Penerbit Emeritus Publication.
- Ahmad Fuad Mat Hassan. (2010), Tesis Master. *Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu dari Sudut Pragmatik*. Universiti Putra Malaysia.
- Alwasilah, Chaedar. (1985), *Sosiologi Bahasa*. Bandung: Angkasa.
- Amat Juhari Moain. (1989) *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aminnudin Saimon. (2013), *Kepelbagai Leksis Gender Feminin*, September 2013, Hlmn. 42-45.
- Asmah Haji Omar. (2011), *Teori dan Kaedah Nahu: Sejarah Pertumbuhan Aliran Pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009), *Panduan Wacana Akademik Teori dan Penyerapan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009), *Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2005), *Bahasa Malaysia Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2000), *Peristilahan dalam Bahasa Melayu: Pengalaman Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1986), *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007), *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bentht Altenberg dan Sylviane Granger. (2002), *Recent Trends in Cross*

- Linguistic Lexical Studies*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Brown C. C. (1921), *Papers on Malay Subjects: Perak Malay*. Calcutta: The Baptist Mission Press.
- Chacho Haji Bulah. (2013), Pengurusan Nilai Kesejagatan dalam Novel Langit Petang. Dalam *Pemikiran Sasterawan Negara A. Samad Said*. 2013. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chang Siew Juen. (2012), *Antonyms Synonyms English-Malay*. SAP PUBLICATIONS (M) SDN. BHD. 2012.
- Claire Renzetti dan Daniel Curran. (1992), Sex-Role Sosialization. Dalam *Gender Sosialization*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Darwis Harahap. (1997), *Perubahan Makna dan Bentuk*. Jurnal Dewan Bahasa 36: 43-47.
- Dayang Aminah Haji Momin. (2004) Imej Wanita Melayu Brunei dalam Pengabdian: Kesannya dalam Masyarakat. Dalam Zaharuddin Taha et., all., *Gender dalam Perspektif Islam dan Budaya Melayu*. 2004. Universitas Islam Makassar.
- Eugene A. Nida. (996), *Menerokai Struktur Semantik (Terjemahan Mashudi Kader)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eugene A. Nida. (1975), *Componential Analysis of Meaning*. The Hague: MOUTON PUBLISHERS.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal, Harishon Radzi. (2012), *Pemantapan dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berasaskan Korpus*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamzah Hamdani. (2007), Di Hadapan Pulau: Kisah Perang dan Manusia. Dalam Siti Aisah Murad, A. Samad Said dalam *Esei dan Kritikan*. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasmidar Hassan. (2011), *Kata Hubung dan Dan tetapi Dari Sudut Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hasuria Che Omar, Noriah Mohamed, Radiah Yusoff. (2009), *Bahasa Verbal dan Bukan Verbal 2: Linguistik, Sastera dan Peradaban*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia dan Universiti Sains Malaysia.

Harifuddin Cawidu. (2004), Gender dalam Perspektif Sufisme: Suatu Tawaran Solusi Mengatasi Krisis Kemanusiaan Melalui Pendekatan Spiritual. Dalam Zahauddin Taha et., all., *Gender dalam Perspektif Islam dan Budaya Melayu*. Universitas Islam Makassar.

Haron Daud. (2007), Tanggapan Etnik dalam Salina hingga Hujan Pagi. Dalam Siti Aisah Murad, A. Samad Said dalam *Esei dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Haji Abd. Hamid. (2004), Wanita Brunei: Kedudukannya dalam Sosibudaya. Dalam Zaharuddin Taha et., all., *Gender dalam Perspektif Islam dan Budaya Melayu*. 2004. Universitas Islam Makassar.

Ibrahim Ahmad. (2002), *Perkamusan Melayu Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibrahim Ahmad. (2011), *Kesenjangan Leksikal Bahasa Melayu Malaysia dan Bahasa Melayu Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jos Daniel Parera. (1993), *Leksikon Istilah Pembelajaran Bahasa*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Umum.

Janet A. Kourany, James P. Sterba, Rosemary Tong. (1993), *Feminist Philosophies: Problems, Theories and Applications*. New Jersey: Harvester Wheatsheaf.

Jeniri Amir. (2013), Di Hadapan Pulau: Tinjauan dari Segi Stilistik. Dalam *Pemikiran Sasterawan Negara A. Samad Said*. 2013. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan. (1995), UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN. BHD.

- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dwibahasa Oxford. (2009), Oxford: Oxford University Press.
- Kamus Pelajar Bahasa Malaysia Edisi Kedua. (2013), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik. (1997), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katz, J. J dan Fodor J.A. (1963), *The Structure of A Semantic Theory*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kempson, Ruth M. (1991), *Teori Semantik (Terjemahan Zaiton Ab. Rahman)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoiriah Binti Abd, Ghani. (2002), Tesis Master. *Makna Ujaran dalam Perbualan Kekeluargaan: Satu Analisis Pragmatik*. Universiti Putra Malaysia.
- Leech, Geoffrey. (1993), *Prinsip-Prinsip Pragmatik (Terjemahan Oka)*. Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia.
- Lyons, John. (1993), *Pengenalan Linguistik Teoretis (Terjemahan Abdullah Hassan, Rogayah Abdul Razak, Wan Zailena Mohd. Noordin)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lyons, John. (1981), *Language, Meaning and Context*. London: Fontana Paperback.
- Lyons, John. (1968), *Introductions to Theoretical Linguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ma'aroff Abdul Rahman. (2005), *Prinsip Kesantunan Berbahasa*., 2005: 7: 16-17.
- Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar dan Maslida Yusof. (2012), *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mashitah Sulaiman. (2011), *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

- Masrurah Mokhtar. (2004), Kesetaraan Gender dalam Perspektif Budaya Bugis-Makassar. Dalam Zaharuddin Taha et., all., *Gender dalam Perspektif Islam dan Budaya Melayu*. Universitas Islam Makassar.
- Mohd. Shariffudin. (2010), *Dialek Kanaq.*, 2010. 3 : 20-26.
- Mokhtar Haji Mohd. Tohar dan Ahmad Fawzi M. Basri. (2003), *Protokol di Malaysia: Tradisi dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nathesan, S. (2008), *Makna dalam Bahasa Melayu Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nathesan, S. (2007), *Sistem Panggilan dalam Angkatan Tentera*. Oktober 2007, hlmn. 30-31.
- Nathesan, S. (2001), *Makna dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2001.
- Nazaruddin Umar. (2004), Membaca Ulang Al-Quran: Artikulasi Ayat-Ayat Gender dalam Masyarakat Muslim Kontemporer. Dalam Zaharuddin Taha et., all., *Gender dalam Perspektif Islam dan Budaya Melayu*. Universitas Islam Makassar.
- Newmeyer, F. J. (1980), *Linguistic Theory in America*. New York: Academic Press.
- Nik Safiah Karim. (2012), Kesantunan Berbahasa dalam Konteks Pekerjaan: Perspektif Penggunaan Kata Ganti Nama. Dalam *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. 2012. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (2004), Konsep Gender dalam Tinjauan Budaya Melayu. Dalam Zaharuddin Taha et., all., *Gender dalam Perspektif Islam dan Budaya Melayu*. 2004. Universitas Islam Makassar.
- Nik Safiah Karim. (1992), *Beberapa Persoalan Sosialinguistik Bahasa Melayu. Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nur' Aini Bt. Abu Bakar (1995), *Tesaurus Linguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norazit Selat. (2007), Masyarakat dalam Langit Petang. Dalam Siti Aisah Murad A. *Samad Said dalam Esei dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noresah Baharom. (2010), *Kehalusan Budi dalam Budaya Melayu*. Februari 2010, hlmn. 12-13.

Nor Hashimah Jalaluddin et,all., (2005), *Sistem Panggilan dalam Keluarga Melayu: Satu Dokumentasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ooi Eng Lye. (2005), *Novel Terpilih Shahnon Ahmad: Satu Kajian Pendekatan Gender*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005.

Othman Puteh. (2007), Tiga Persoalan dengan Tiga Citra Manusia dalam Langit Petang A. Samad Said. Dalam Siti Aisah Murad, A. *Samad Said dalam Esei dan Kritikan*. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Para Penulis dan Dewan Bahasa. (2013), *Pemikiran Sasterawan Negara A. Samad Said (Siri Kajian Pemikiran Sasterawan Negara)*.: Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.

Palmer, F. R. (1976), *Semantics*. Cambridge: Cambridge University Press.

Rabihatun Idris. Peranan Dunia Pendidikan dalam Kesetaraan Gender Perspektif Islam dan Budaya Melayu. Dalam Zaharuddin Taha et., all., *Gender dalam Perspektif Islam dan Budaya Melayu*. 2004. Universitas Islam Makassar.

Raja Masittah Raja Ariffin. (2007), *Bahasa Maskulin Melambangkan Kekuasaan dan Kekuatan*. Mac 2007, hlmn. 14-17.

Robert Baker. (1993), Sexuality, Pricks and Chicks. A Plea for “Person”. Dalam *Gender Sosializations*. Cambridge: Cambridge University Press. 1993.

- Robins, R. H. (1964), General Linguistics. Dalam *An Introductory Survey*. London: Longsman.
- Rosli Talif, Chan Swee Heng, et,all,. (2007), *Penyelidikan Bahasa Kesusastraan dan Komunikasi Jilid 1*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Rosnah Baharuddin. (2007), Adik Datang: Paduan Indah Dua Realiti. Dalam Siti Aisah Murad, *A. Samad Said dalam Esei dan Kritikan*. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosnah Baharuddin. (2007), Langit Petang: Novel Era Baru A. Samad Said. Dalam Siti Aisah Murad, *A. Samad Said dalam Esei dan Kritikan*. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sahlan Mohd. Saman. (2007), World-View A. Samad Said dari Salina dan Daerah Zeni. Dalam Siti Aisah Murad, *A. Samad Said dalam Esei dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Said Agil Husin Al-Munawar. (2004), Kepimpinan Perempuan dalam Perspektif Hukum Islam. Dalam Zaharuddin Taha et., all., *Gender dalam Perspektif Islam dan Budaya Melayu*. Universitas Islam Makassar.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2007), *Unsur Bahasa dalam Budaya*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Siti Aisah Murad. (2007), *A. Samad Said dalam Esei dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2009), *Bahasa Melayu II (Siri Pendidikan Guru)*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Slametmuljana. (1965), *Semantik (Ilmu Makna)*. Oxford: Oxford University Press.
- Sumalee Nimmanupap. (1994), *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thailand*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Toshiko Hamano. (2004), Gender in Japanese Culture. Dalam

- Zaharuddin Taha et., all., *Gender dalam Perspektif Islam dan Budaya Melayu*. Universitas Islam Makassar.
- Wills, Dave. (2004), *Rules, Patterns and Words: Grammar and Lexis in English Teaching*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Zainal Abidin Ahmad. (2000), *Pelita Bahasa Penggal 1-3 Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainuddin Taha, Zohrah Nazaruddin, Anil Hukma. (2004), *Gender dalam Perspektif Islam dan Budaya Melayu*. Universitas Islam Makassar.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan. (2012), *Penggunaan Strategi Ketidaksantunan dalam Kalangan Remaja Sekolah*. 2012. 16. 62-74.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011), *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2000), Tesis Master. *Penggunaan Bahasa dalam Pertuturan Kanak-Kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik*. Universiti Putra Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah (2007), *Pembudayaan Bahasa Melayu di Malaysia: Satu Persoalan Moral*. 1. 215-231.
- Zohrah Nazaruddin. (2004), Gender dalam Perspektif Islam: Peluang dan Tantangan dalam Masyarakat. Dalam Zaharuddin Taha et., all., *Gender dalam Perspektif Islam dan Budaya Melayu*. 2004. Universitas Islam Makassar.